

**Agong Hadir Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Hari Malaysia Di Kuching
Bernama
11 Sept, 2013**

KUCHING, 11 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah akan menghadiri sambutan ulang tahun ke-50 Hari Malaysia di sini, kata Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Alfred Jabu.

Beliau berkata, pasangan diraja itu dijangka tiba di Kuching pada Ahad dan akan menyaksikan perarakan bot hiasan di Sungai Sarawak sebelum menghadiri perarakan besar-besaran di Padang Merdeka yang merupakan acara kemuncak sambutan pada malam itu.

"Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin juga akan menghadiri majlis itu," kata Jabu yang juga pengerusi penganjur sambutan dalam sidang akhbar, di sini, Rabu.

Beliau berkata sambutan tahun ini penting bagi Sarawak kerana ia akan mencerminkan kemajuan yang dicapai sejak negeri itu menyertai Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Singapura dalam pembentukan Malaysia pada 16 Sept, 1963.

Bertemakan 'Sarawak Harmoni, Kemakmuran Dinikmati', program sambutan akan bermula Sabtu ini dengan perarakan di Stadium Negeri sempena ulang tahun ke-92 Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977011>